



**TEKS UCAPAN  
'MAJLIS PELANCARAN TAKWIM KONVENSYEN  
MODAL INSAN PERINGKAT LUAR BANDAR  
(KPLB) NEGERI MELAKA 2009 DAN FORUM  
PERDANA'**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI WAN MOHAMAD ZUKI BIN  
MOHAMAD, TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(PENGURUSAN DAN KORPORAT) RISDA**

TEMPAT: MASJID AL-ABRAR, KG. SEMABOK, MELAKA  
TARIKH : 31 OKTOBER 2009 (SABTU)  
MASA : 8.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

YB Dato' Mohd. Hidir bin Abu Hassan, Pengerusi Jawatankuasa  
Negeri Pembangunan Desa dan Pertanian Melaka, selaku wakil  
YAB Ketua Menteri Melaka,

Ketua-ketua Jabatan di bawah Kementerian Kemajuan Luar  
Bandar dan Wilayah,

Yang Berusaha Encik Md. Tahir bin Othman, Pengarah RISDA  
Negeri Melaka,

Yang Dihormati Tuan Haji Mat Salim bin Samin, Ketua Penyelaras Kanan Konvensyen Pembangunan Modal Insan Peringkat Luar Bandar (KPLB),

Yang Berusaha Tuan Haji Osman bin Baba, Pengerusi JKKK Kampung Semabok,

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd. Harith bin Montok, Pengerusi Masjid Kampung Semabok,

Para Penceramah dan Moderator,

3

Wakil Jawatankuasa Masjid serta JKKK Kampung yang terlibat,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di sini bagi sama-sama menjayakan 'Majlis Pelancaran Takwim Konvensyen Modal Insan Peringkat Luar Bandar (KPLB) Negeri

4

Melaka'. Saya bagi pihak Ketua Pengarah RISDA merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YB Datuk yang telah sudi untuk bersama-sama kita pada pagi ini.

## **Pengenalan**

Konvensyen Modal Insan Peringkat Luar Bandar (KPLB) ini adalah lanjutan daripada Kempen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 27 Mei 2008 bersempena Majlis Pelancaran Modal Insan Luar Bandar di Shah Alam. KPLB ini adalah satu gerakan untuk memperkasakan

5

penduduk desa yang merangkumi aspek kecemerlangan akademik dan kerjaya anak-anak serta kesejahteraan berkeluarga dan keharmonian rumahtangga. Gerakan ini lebih dikenali sebagai Gerakan Daya Wawasan (GDW).

## **Objektif KPLB**

Untuk makluman, objektif KPLB adalah untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran ibu bapa luar bandar sebagai perancang modal insan dan fasilitator pembelajaran anak-anak, dan seterusnya memantapkan institusi kekeluargaan

6

sebagai wadah pencegahan gejala sosial. Objektif ini amat bertepatan untuk melahirkan generasi yang lebih terdedah kepada didikan agama dan mempunyai nilai-nilai murni yang baik.

## **Konsep KPLB**

KPLB dilaksanakan secara *road show* yang menjelajah setiap daerah. Dalam siri jelajah di negeri Melaka, KPLB bermula dengan Majlis Pelancaran Takwim KPLB Negeri Melaka pada pagi ini dan diikuti dengan program Forum Perdana serta disusuli dengan 17

7

aktiviti Bicara Ilmu di 17 buah masjid yang terpilih di seluruh negeri Melaka.

Program Bicara Ilmu akan dimulakan pada 7 November 2009 hingga Mac 2010. Program ini adalah di bawah anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan kuasa pelaksanaannya telah diturunkan kepada Jawatankuasa Kembar Peringkat Negeri. Bagi negeri Melaka, RISDA negeri Melaka telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kembar yang mana ahli Jawatankuasanya terdiri daripada beberapa agensi di bawah KKLW dan lain-lain yang mencakupi KEMAS,

8

Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Penerangan Negeri, RTM, Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri (JASA), Majlis Agama Islam Negeri (MAIM), JHEOA Negeri dan FELCRA Negeri.

## **Kehadiran**

Bersama-sama kita pada pagi ini juga adalah beberapa orang Moderator, Ahli Panel serta Penceramah yang terlibat yang sempat meluangkan masa untuk hadir di dalam Majlis Pelancaran Takwim ini. Setiap Ahli Panel, Penceramah dan Moderator yang

9

telah dipilih oleh pihak Kementerian ini telah diberikan tajuk yang spesifik untuk sesi ceramah dalam setiap aktiviti Forum Perdana dan Bicara Ilmu. Mereka juga telah diberikan penerangan terperinci mengenai KPLB dan menghadiri sesi percambahan fikiran mengenai tajuk-tajuk yang telah ditetapkan. Selain itu, wakil daripada setiap JKK Masjid dan JKKK Kampung yang akan menjadi tuan rumah Program Forum Perdana dan juga 17 Program Bicara Ilmu di seluruh daerah di negeri Melaka ini turut dijemput di dalam Majlis Pelancaran ini.

Mereka juga telah diberikan taklimat oleh Penyelaras Kanan KPLB, Yang Berusaha Tuan Syed Alwi bin Veera Shaib Al-Qudri dan juga oleh Pegawai Ex-Officio RISDA iaitu Tuan Haji Nik Nabil tentang kaedah pelaksanaan program ini dan peranan mereka sebagai tuan rumah. Apa yang diharapkan, semoga hasil daripada taklimat dan perjumpaan kita pada pagi ini akan dapat mengukuhkan silaturrahim serta melancarkan lagi kesemua 18 Program KPLB yang akan menyusul selepas ini.

## **Penutup**

Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas penglibatan tuan-tuan dan puan-puan serta JKK Masjid, JKKK Kampung, semua penceramah, moderator dan ahli panel, serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam kelancaran Program KPLB ini. Ini kerana, pelaksanaan Program KPLB ini adalah juga merupakan salah satu daripada cara kita berdakwah dan usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang Islam serta golongan Ulama' dengan

masyarakat. Insya-Allah, setiap perbuatan yang baik dan penganjuran majlis ilmu seperti ini akan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT.